



Nazam lawan pantun

“Teromba ialah susunan undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi dan ia merangkumi puisi klasik seperti pantun, pepatah petith, syair, seloka, gurindam, ungkapan, perbilangan, terasul dan mantera”

Prof Madya Datuk Paduka Dr Mohd Rosli Saludin
Timbalan Dekan Pengajian Siswazah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bharian.com.my

Walaupun tidak terkenal seperti pantun, tetapi nazam sebahagian daripada genre dalam puisi Melayu tradisional memiliki keistimewaan tersendiri kerana ia digunakan sebagai wahana mendidik, membentuk

» Khazanah Persuratan Melayu diperkenalkan kepada generasi

moral dan pekerti anak-anak menerusi bait rangkap serta alunan melodinya.

Perkara ini diperakukan Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Lim Swee Tin ketika membicarakan nazam pada Program Bicara Warisan Puisi Melayu Tradisional di Taman Budaya Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Khalayak pada program **Bicara Warisan Puisi Melayu Tradisional** di Taman Budaya Kuala Lumpur.

"Selain menyampaikan pengajaran agama, nazam juga digunakan bagi menyampaikan nasihat dan panduan kepada pemerintah. Nazam adalah sebahagian daripada warisan Persuratan Melayu yang sungguh istimewa.

"Pengertian nazam diambil daripada bahasa Arab yang merujuk gubahan puisi. Bernazam pula adalah bercerita dengan berlagu, bersajak atau bersyair, menazamkan cerita dengan lagu atau menyajakkan.

"Ini bagaimanapun tidak bermaksud lagu popular seperti *Nazam Lebaran* atau *Nazam Berkasih* itu adalah nazam yang dimaksudkan dalam Persuratan Melayu. Ia adalah lagu dan tidak ada kena mengena dengan nazam," ujarnya.

Dr Lim turut menekankan pentingnya nazam dipertahankan, malahan sepatutnya diperkenal-

kan kepada generasi muda seawal usia sama seperti memperkenalkan pantun kepada mereka seperti yang sudah dilakukan.

"Struktur nazam dibahagikan kepada tiga iaitu idea, bahasa dan bentuk. Ia adalah ungkapan yang digunakan untuk mendorong kepada kefahaman agama dan sebab itu ia dimulakan dengan puji-pujian kepada Tuhan.

"Contoh terbaik untuk membeli kefahaman berhubung perkara ini ialah Nazam Sifat 20. Ia bukan saja menarik, tetapi juga luar biasa. Penggunaan kata-katanya bukan saja sangat bernas, tetapi juga padat," katanya.

Khalayak diberitahu, nazam umumnya terikat dari segi baris rangkapnya iaitu dua baris dengan skema rimanya a-a, c-b, d-b dan seterusnya atau kadangkala ia dibentuk dengan skema a-a, b-b, c-c dengan keseluruhan rangkap

alah keseluruhan idea yang hendak disampaikan.

Timbalan Dekan Pengajian Siswazah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Datuk Paduka Dr Mohd Rosli Saladin, berkongsi pentas dengan membincarkan satu lagi warisan Persuratan Melayu, iaitu teromba.

"Teromba ialah susunan undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi dan ia merangkumi puisi klasik seperti pantun, pepatah petitih, syair, seloka, gurindam, ungkapan, perbilangan, terasul dan mantera," katanya pada Bicara Warisan Puisi Melayu dipengerusikan bekas Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara, Siri Neng Buah.

Beliau memaklumkan teromba juga dirujuk sebagai riwayat atau sejarah bentuk perbilangan, bukan dalam bentuk tulisan atau prosa dan seperti genre puisi Melayu tradisional yang lain, tidak diketahui siapa penciptanya.

"Justeru ada berpuluhan-puluhan atau beratus-ratus versi teromba mengikut daerah dan penurnurnya. Dari segi bentuknya, teromba tidak terikat dengan jumlah baris yang tidak tetap dan rima akhir di hujung baris juga tidak sama.

"Namun teromba itu luas, di dalamnya ada genre puisi Melayu lain seperti disebut orang, kalau digumpal selebar kuku/ kalau dibentang seluas alam. Teromba merangkumi hampir semua aspek kehidupan," katanya.

Teromba bukan hanya diguna pakai pada majlis adat seperti perkahwinan atau pertabalan di raja, sebaliknya, bangsa Melayu menggunakan sebagai bahan pendidikan sama ada menegur, menyindir atau mendidik dengan bahasa yang berlapik.